

PENSWASTAAN INSTITUSI ZAKAT DAN KESANNYA TERHADAP PEMBAYARAN SECARA FORMAL DI MALAYSIA

SANEP AHMAD
HAIRUNNIZAM WAHID
ADNAN MOHAMAD
*Pusat Pengajian Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia*

ABSTRAK

Isu bocoran bayaran zakat sering diperbahaskan. Sesetengah individu didapati lebih gemar membayar zakat terus kepada asnaf berbanding membayarnya kepada institusi formal sebagai amil yang dilantik. Malah terdapat individu yang membayar zakat di luar kawasan permaustatin mereka. Keadaan ini tentunya menjejaskan koleksi zakat dan seterusnya memberi kesan kepada keberkesanan agihan. Walaupun kewujudan institusi formal seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan Pusat Zakat Selangor (PZS) dapat memperbaiki pengurusan zakat dari segi kutipan dan agihan, namun gejala ini tetap berlaku. Soalnya mengapa ia terus berlaku dan apakah faktor yang mendorong individu untuk terus berbuat demikian. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti apakah faktor yang dapat mendorong ketaatan individu untuk membayar zakat kepada institusi formal agar dengannya dapat mengurangkan bocoran dan menaikkan jumlah kutipan. Kajian dilakukan berdasarkan data primer dan dianalisis menggunakan kaedah diskriptif dan model logit. Keputusan kajian mendapati rasa puas hati individu terhadap pengurusan institusi formal adalah antara faktor terpenting menentukan kepatuhan bayaran kepada institusi formal. Oleh itu, untuk menarik lebih ramai individu kepada institusi formal maka institusi formal perlu terlebih dahulu meningkatkan kepuasan individu pembayar zakat. Di antara cara yang boleh dilakukan ialah memperbaiki prestasi, sentiasa menjaga nama baik, lebih telus dan menambah agihan yang bersifat produktif.

ABSTRACT

Leakages in zakat payment is widely discussed. Some individuals prefer to pay zakat directly to the asnaf or even pay zakat outside their locality. This practice has affected the efficiency of the collection and distribution of zakat.

Although the presence of formal institutions such as PPZ and PPS have improved zakat management, this practice is still exist. The question is why is such practice still existing and what are the factors that influences individual into carrying out such practice. Thus this study examines the factors that influences the individual's dissatisfaction towards formal institutions in order to reduce leakages and increase zakat collection. The study utilizes primary data that can be analysed by using descriptive and Logistic analysis. The result shows that satisfaction towards the zakat management significantly influences individual compliance behaviour towards formal institutions. This indicates that to attract more people to formal institutions, they should first increase the individual satisfaction. This can be done by constantly improving zakat management, maintaining good will, becoming more transparent and conducting more productive distribution schemes.

PENGENALAN

Islam merupakan satu agama yang lengkap mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia. Aspek persaudaraan dalam kehidupan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan. Ini kerana, tidak semua manusia yang hidup di dunia ini menikmati hidup yang mewah. Pelbagai golongan dapat dilihat mendiami bumi ini. Antaranya golongan yang terdiri daripada orang kaya, miskin, anak yatim dan sebagainya, terdapat golongan yang bernasib baik dan sebaliknya. Sehubungan itu, untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah telah mensyari'atkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai "zakat" untuk membantu golongan tersebut.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan apabila telah cukup syarat-syaratnya. Zakat disyari'atkan oleh Allah S.W.T terhadap hamba-Nya untuk menyucikan harta dan diri mereka. Tujuan ini dapat dirumuskan daripada firman Allah S.W.T dalam surah Ar-Ra'd, ayat 26 yang bermaksud:

"Allah mencukupkan rezeki untuk orang-orang yang dikehendaki-Nya dan Dia pula yang membatasi-Nya. Dan mereka sukacita dengan kehidupan dunia ini, sedangkan kesukaan kehidupan dunia ini dibandingkan dengan akhirat hanyalah kesenangan sementara".

(surah Ar-Ra'd: ayat 26)

Harta manusia bukanlah milik mutlak manusia, sebaliknya ia adalah kurniaan Allah S.W.T dan manusia hanyalah sebagai pemegang

amanah. Allah S.W.T berfirman di dalam surah An-Nahl ayat 71 yang bermaksud:

“Dan Allah melebihkan rezeki setengah kamu dari yang lain, tetapi orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu mengembalikan rezekinya itu kepada orang yang menjadi kekuasaan tangan kanannya, agar mereka menjadi sama. Apakah nikmat Allah itu mereka ingkari”.

(surah An-Nahl: ayat 71)

Kewajiban melaksanakan ibadah ini terkandung dalam rukun Islam yang keempat. Ibadah ini wajib dilaksanakan oleh seseorang Islam apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Zakat terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya zakat fitrah, zakat pendapatan, zakat pertanian, zakat wang simpanan dan zakat dalam harta yang lain mengikut '*uruf*' yang telah difatwakan oleh ulama *mu'tabar*.

Di Malaysia, terdapat institusi formal yang bertanggungjawab untuk mengurus hal-ehwal yang berkaitan dengan zakat. Institusi ini dikenali sebagai "Pusat Pungutan Zakat" dan diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri. Perbezaan dari segi pengurusan dan pentadbiran ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian kaedah dalam aktiviti pengagihan hasil zakat. Ini merupakan salah satu faktor yang dapat menimbulkan permasalahan dalam urusan pengagihan hasil zakat. Sehingga kini peranan institusi zakat sebagai badan untuk membantu golongan miskin tidak dapat diserlahkan dan kurang meyakinkan. Salah satu punca atau penyebab kegagalan ini adalah berdasarkan jumlah kutipan zakat yang dikatakan sedikit jika dibandingkan dengan orang yang layak membayar zakat. Kekurangan hasil kutipan zakat ini menyebabkan ia tidak mencukupi untuk digunakan untuk membantu golongan asnaf sebagaimana sepatutnya.

Terdapat dua faktor telah dikenal pasti sebagai punca kekurangan jumlah hasil pungutan zakat oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Pertama kerana ketidak patuhan sesetengah individu untuk membayar zakat khususnya zakat bagi harta yang *diittifa'* dan kedua kerana berlakunya bocoran di mana pembayar zakat lebih suka membuat bayaran terus kepada asnaf daripada membayar melalui institusi zakat.

Untuk meningkatkan hasil kutipan zakat, dua tindakan utama yang telah diambil iaitu dengan meningkatkan kesedaran individu untuk membayar zakat dan menswastakan institusi pungutan dan agihan zakat. Bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat, pelbagai program kesedaran dan pemahaman tentang zakat telah dijalankan. Semua kaedah dan cara yang mungkin dapat menyebarkan maklumat

kepada masyarakat tentang pentingnya membayar zakat seperti media massa, seminar, ceramah, edaran dan kursus juga dijalankan. Namun demikian, masih menjadi persoalan kepada jabatan agama kerana adanya golongan individu yang enggan membayar zakat melalui institusi zakat tetapi sebaliknya membayar terus kepada asnaf.

Jika dinilai dari sudut fiqah, memang tidak dinafikan bahawa pembayaran zakat dibenarkan sama ada melalui institusi khusus atau terus kepada asnaf iaitu individu yang layak menerima zakat. Namun demikian, tindakan individu membayar terus kepada asnaf mengakibatkan jumlah kutipan yang diperoleh institusi zakat berkurangan daripada yang sepatutnya. Bayaran terus kepada asnaf ini dikatakan sebagai bocoran daripada kutipan institusi zakat. Persoalannya sekarang apakah puncanya perkara ini boleh berlaku. Dalam usaha meningkatkan jumlah pungutan zakat, beberapa negeri di Malaysia telah melaksanakan program penswastaan dalam mengutip zakat. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan serta Pusat Zakat Selangor misalnya telah ditubuhkan sebagai institusi untuk mengutip zakat. Usaha penswastaan tersebut serta kempen kesedaran yang berterusan ternyata telah menambah jumlah kutipan zakat. Walaupun peningkatan tersebut bukanlah semata-mata berpunca daripada penswastaan atau kesedaran tetapi ternyata ia telah menunjukkan satu kesan positif.

PERMASALAHAN KAJIAN

Persoalan yang dianggap penting dalam pengurusan zakat pada masa sekarang berkaitan dengan masalah bocoran iaitu masih terdapat individu yang enggan membayar zakat kepada institusi formal. Walaupun tidak terdapat statistik tepat tentang bilangan individu yang membayar zakat terus kepada asnaf, namun dipercayai bahawa jumlahnya adalah ramai. Amalan sebegini akan menimbulkan persaingan kepada institusi formal untuk menarik lebih ramai pembayar zakat secara berpusat, meningkatkan jumlah kutipan zakat dan mengagihkan kutipan zakat dengan lebih berkesan dan telus. Satu tindakan perlu dilakukan untuk menarik dan menggalakkan orang ramai membayar zakat melalui institusi formal supaya urusan bayaran zakat dan agihannya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan terus.

Perkara yang timbul dalam isu ini adalah punca ataupun faktor-faktor yang menyebabkan orang ramai membayar zakat kepada institusi tidak formal dan tidak kepada institusi zakat. Antara alasan yang diberikan adalah pengurusan tidak cekap, pecah amanah, agihan tidak

betul dan sebagainya. Selain itu, terdapat faktor-faktor lain yang dianggap penting dalam mempengaruhi kepatuhan membayar zakat seperti jantina, umur individu, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan, bilangan tanggungan dan perbelanjaan bulanan. Semua faktor-faktor ini akan dianalisis untuk melihat kesannya kepada kepatuhan pembayar zakat melalui institusi formal.

Dalam mempertingkatkan lagi pengurusan zakat, maka institusi zakat telah melantik atau menubuhkan anak-anak syarikat yang dipertanggungjawab untuk mengurus mengenai kutipan dan agihan zakat. Dalam erti kata lain, ianya melakukan program penswastaan. Misalnya Pusat Zakat Selangor merupakan anak syarikat di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Begitulah juga dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang yang ditubuhkan pada 2 Januari 1996, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada Januari 1991, Pusat Zakat Negeri Sembilan yang ditubuhkan pada Januari 2000, Pusat Zakat Melaka yang ditubuhkan pada 19 September 2000 dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang yang ditubuhkan pada Jun 1995. Anak-anak syarikat ini semuanya di bawah seliaan majlis agama negeri masing-masing yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbir hal ehwal yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat. (Lihat Jadual 1).

Jadual 1
Nama dan Tahun Pusat Zakat Diswastakan

Negeri	Tahun Diswastakan	Nama Pusat Kutipan Zakat
Wilayah Persekutuan	1991	Pusat Pungutan Zakat
Pahang	1991	Pusat kutipan Zakat Pahang
Selangor	1995	Pusat Zakat Selangor
Pulau Pinang	1995	Pusat Urus Zakat
Negeri Sembilan	2000	Pusat Zakat Negeri Sembilan
Melaka	2000	Pusat Zakat Melaka

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian mengkaji kesan penswastaan kutipan zakat di Malaysia. Kajian Md Zyadi dan Mariani (1999) contohnya merumuskan bahawa penswastaan kutipan zakat yang telah dilakukan di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan penambahan dalam jumlah hasil kutipan. Keadaan ini dialami oleh

seluruh negeri yang melakukan penswastaan kutipan zakat. Namun demikian, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa penambahan hasil kutipan tersebut bukanlah semata-mata kesan daripada penswastaan. Kajian ini telah disokong oleh kajian Nor Ghani Md. Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad dan Nahid Ismail (2001) yang telah membuktikan bahawa walaupun penswastaan institusi zakat telah berjaya menambah hasil kutipan zakat tetapi sebenarnya penambahan tersebut adalah tidak signifikan. Peningkatan kutipan zakat itu bukan semata-mata berpunca daripada penswastaan institusi zakat tetapi juga berpunca daripada faktor lain seperti peningkatan jumlah pembayar zakat dan peningkatan jumlah pendapatan individu. Selain itu, persoalan bocoran dalam pungutan zakat masih berlaku walaupun penswastaan pungutan telah dilakukan. Perkara sebegini masih lagi berlaku kerana ada segelintir individu tetap dengan sikap enggan membayar zakat; kedua tidak prihatin tentang tempat di mana ia membayar zakat dan ketiga mencurigai keupayaan institusi kutipan zakat dalam menjalankan tugasnya. Kajian menunjukkan keengganan membayar zakat melalui institusi melibatkan sikap individu tersebut. Kamil Md Idris, Derashid dan Engku Ismail (1997) menyatakan bahawa sikap kepatuhan amat penting dalam menentukan kepatuhan untuk membayar zakat.

Aidit, (1998) juga sependapat dengan Kamil dan menyatakan untuk menyelesaikan masalah keengganan membayar zakat bukanlah satu perkara mudah. Beliau berpendapat ia bergantung kepada tahap keimanan dan kesedaran seseorang individu. Tahap keimanan yang lemah ada kaitan dengan sikap tidak mahu membayar zakat terutamanya jika tidak ada akta yang ketat mengenainya. Seseorang mungkin akan takut dan patuh sekiranya ada akta dan undang-undang sebagaimana ia akan membayar cukai kerana adanya akta cukai. Sebahagian lagi merasakan kewajipan berzakat dianggap sebagai beban dan bukannya sebagai tanggungjawab agama dan sosial.

Qardawi, (1998) juga menyatakan dalam hal ini, faktor keimanan penting dalam menentukan tindakan ekonomi. Tanggungjawab agama yang berkait dengan harta mestilah didokong oleh faktor iman kerana tanpa iman ia tidak mungkin dapat dilakukan. Jika tanggapan ini berlaku maka individu akan menyamakan tanggungjawab zakat dengan beban cukai. Abdul Hamid (1998) mendapati masyarakat masih tidak memahami dengan jelas tentang zakat. Terdapat individu yang memilih untuk membayar cukai daripada zakat. Bagi kumpulan ini jika mereka telah membayar cukai maka ia beranggapan telah lepaslah tanggungjawab zakatnya. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan agama berkenaan zakat juga mempengaruhi pembayaran zakat dan seterusnya membayar melalui institusi zakat. Kamil (2002)

dalam kajiannya yang lain mendapati bahawa faktor sikap adalah penentu penting kepatuhan membayar zakat khususnya zakat pendapatan. Sikap adalah faktor dalaman individu dan ia telah dibuktikan menjadi salah satu faktor penentu kepada kepatuhan membayar zakat dan kepatuhan untuk membayarnya melalui institusi kutipan zakat.

Namun demikian terdapat persoalan lain yang juga amat penting iaitu faktor institusi zakat. Ini kerana keengganan seseorang individu membayar zakat bukan hanya disebabkan oleh faktor dalaman individu iaitu faktor sikap atau tahap keimanan semata-mata. Terdapat kajian yang menunjukkan terdapat institusi zakat gagal menjalankan tanggungjawab mereka dalam hal ehwal zakat terutamanya dalam aspek agihan zakat kepada asnaf yang terlibat. Kajian oleh Abdullah Ibrahim (1999) contohnya menjelaskan persoalan tentang keberkesanan kaedah agihan zakat. Keadaan ini boleh menjejaskan "*good will*" institusi zakat dalam menguruskan pengagihan zakat. Menurut beliau lagi kaedah pengurusan zakat antara negeri adalah berbeza menunjukkan tahap kecekapan pengurusan juga adalah berbeza.

Zulkefly, Mohd Azlan Shah dan Hairunnizam (2002) turut menyokong bahawa peranan institusi zakat amat penting. Kajian tersebut mendapati negeri Selangor merupakan negeri yang paling cekap dalam aspek pengagihan zakat berbanding negeri Perak, Negeri Sembilan dan Kedah. Ini berdasarkan data jumlah kutipan dan agihan zakat tahunan negeri yang menunjukkan negeri tersebut berjaya membelanjakan secara puratanya 80% daripada kutipan zakat setiap tahun kepada lapan asnaf zakat. Ini jelas menunjukkan penswastaan institusi zakat di Selangor telah berjaya meningkatkan jumlah kutipan dan seterusnya menguruskan pengagihan zakat dengan cekap. Walau bagaimanapun, kajian tidak menunjukkan penilaian masyarakat terhadap institusi ini, maka menurut Mohamed Dahan (1998), kaedah agihan zakat perlu dinilai oleh individu secara terbuka. Ini kerana terdapat beberapa kes negatif yang pernah berlaku seperti salah guna kuasa dan pecah amanah wang zakat, pengurusan yang tidak cekap serta kaedah agihan yang dianggap tidak memuaskan di peringkat negeri. Akibatnya tanggapan masyarakat terhadap institusi zakat akan menjadi negatif walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberansangkan. Fenomena sedemikian mungkin menjelaskan mengapa individu enggan membayar zakat secara formal melalui institusi kutipan zakat.

Pembayaran zakat terutamanya melalui institusi formal amat bergantung kepada faktor dalaman yang melibatkan faktor iman, tahap pengetahuan agama, pendidikan dan sebagainya dan faktor luaran

seperti kecekapan institusi zakat dalam mengagihkan zakat kepada asnaf. Oleh itu, kajian ini akan menguji kesemua faktor dalaman dan luaran seperti jantina, umur individu, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, jumlah pendapatan, bilangan tanggungan dan perbelanjaan bulanan. Kajian ini juga mengkaji sejauh manakah peranan nama baik institusi kutipan zakat dan kesannya kepada kepatuhan membayar zakat melalui institusi formal. Nama baik yang dimaksudkan merangkumi tahap kepuasan individu terhadap pengurusan agihan zakat oleh institusi formal. Tahap kecekapan pengurusan agihan zakat dianggap rendah oleh pembayar zakat sekiranya berlaku unsur-unsur yang tidak sihat seperti pecah amanah, agihan zakat yang tidak sekata, kesukaran untuk membayar zakat dan sebagainya.

METODOLOGI

Analisis kajian ini khusus kepada individu Islam merangkumi beberapa negeri di Malaysia. Persampelan dilakukan secara rawak ke atas 753 individu yang membayar zakat di enam negeri yang telah menswastakan institusi zakat iaitu Selangor, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Melaka. Responden di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digabungkan sekali memandangkan sampel yang dikutip kebanyakannya adalah di Lembah Klang. Setiap negeri diwakili oleh bilangan individu yang berbeza secara umumnya bergantung kepada saiz penduduk. Analisis regresi logistik akan digunakan untuk melihat kebarangkalian kepatuhan individu membayar zakat kepada institusi formal pungutan zakat ataupun tidak.

Regresi logistik merupakan model tatacara statistik yang amat berguna dalam menganalisis data berkaitan kebarangkalian. Model regresi logistik menerangkan tentang kesan perubahan yang berlaku di dalam pemboleh ubah bebas. Persamaan model regresi logistik adalah seperti berikut:

$$\text{Log } Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \dots + \beta_n X_n \quad (1)$$

Di mana;

$$Y = \left[\frac{\text{kebarangkalian (memilih)}}{\text{kebarangkalian (tidak memilih)}} \right] = \frac{P_i}{(1 - P_i)}$$

β_0 = pemalar

$\beta_1, \beta_2, \beta_3, \dots, \beta_n$ = parameter bagi pemboleh ubah

Ini bermakna logistik koefisien boleh diterangkan sebagai perubahan dalam bentuk log 'odds' akibat daripada perubahan satu unit dalam pemboleh ubah bebas. Persamaan (1) ini boleh dipermudah dengan dinyatakan semula sebagai:-

$$Y = \left[\frac{\text{kebarangkalian (memilih)}}{\text{kebarangkalian (tidak memilih)}} \right] = \frac{P_i}{(1 - P)} = \beta^0 + \beta^1 X_1 + \beta^2 X_2 + \dots + \beta^n X_n \quad (2)$$

Jika nilai β_i adalah positif maka nilai 'odds ratio' akan meningkat jika X_i meningkat. Tetapi jika β_i bernilai negatif bermakna 'odds ratio' adalah menurun jika X_i menurun. Ujian Wald atau dikenali sebagai ujian F pula digunakan untuk mengkaji kesignifikanan parameter yang teranggar pada darjah kebebasan yang tidak melebihi 10%. Sekiranya Ujian Wald yang diperoleh menunjukkan parameter yang dianggarkan tidak signifikan, maka pemboleh ubah penentu itu akan dikatakan tidak penting untuk digunakan sebagai penerangan dalam model tersebut. Model yang cekap akan memberikan nilai F^* yang lebih besar daripada nilai kritikal F pada aras keertian α , darjah kebebasan $(k-1)$ dan $(n-k)$ dengan n ialah bilangan cerapan dan k ialah bilangan parameter dalam model. Ia dapat ditunjukkan dalam persamaan (3) iaitu:

$$\text{Ujian Wald} = \frac{R^2 / k - 1}{1 - R^2 / n - k} \sim F_{k-1, n-k, \alpha} \quad \alpha = 5\% \quad (3)$$

SPESIFIKASI MODEL

Dalam membentuk model regresi, pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas yang berhubung dengan pemboleh ubah bersandar secara teori perlu dimasukkan. Spesifikasi model merangkumi fungsi persamaan model. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini berbentuk dikotomus iaitu sama ada membayar zakat secara formal iaitu melalui pusat pungutan zakat atau membayar secara tidak formal iaitu membayar terus kepada asnaf yang layak menerimanya.

Memandangkan pemboleh ubah bersandar berbentuk dikotomus dan pemboleh ubah bebas yang digunakan kebanyakannya berbentuk dami maka model ini sesuai dianggarkan dengan menggunakan model logit binomial. Model yang dianggarkan secara umumnya adalah seperti berikut :

$$P_i = E \left(Y = \frac{1}{\chi} \right) = \frac{1}{(1 + e^{-z})} \quad (4)$$

Di mana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden yang membayar kepada institusi formal iaitu $Y = 1$ dan $Y = 0$ bagi responden yang tidak membayar kepada institusi formal.

Berdasarkan persamaan (4), kajian ini juga menguji beberapa pemboleh ubah yang dipertimbangkan mempengaruhi pembayaran zakat kepada institusi formal iaitu :

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_i X_i \quad (5)$$

Di mana Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X adalah pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, taraf pendidikan, bekerja atau tidak bekerja, bidang pekerjaan, pendapatan bulanan, bilangan tanggungan, perbelanjaan isi rumah bulanan dan kepuasan terhadap agihan zakat oleh institusi zakat yang merupakan "*good will*" institusi zakat.

Dengan ini, berpandukan kepada persamaan (5), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

$$L = \ln \left(\frac{P_i}{1 - P_i} \right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} + \beta_{11} X_{11} \quad (6)$$

Di mana;

- L adalah log bagi nisbah 'odds' pembayaran zakat melalui institusi formal atau institusi tidak formal
- X_1 adalah jantina; dami = 1 untuk lelaki, 0 untuk wanita
- X_2 adalah umur responden
- X_3 adalah taraf perkahwinan
- X_4 adalah pengetahuan agama; dami = 1 untuk berpengetahuan agama, 0 untuk tiada pengetahuan agama
- X_5 adalah tahap pendidikan; dami = 1 untuk berpendidikan tinggi, 0 untuk tidak berpendidikan tinggi
- X_6 adalah bekerja; dami = 1 jika masih bekerja, 0 untuk tidak bekerja
- X_7 adalah jenis pekerjaan; dami = 1 untuk profesional, 0 untuk tidak profesional
- X_8 adalah jumlah pendapatan bulanan

- X_9 adalah bilangan tanggungan
 X_{10} adalah jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah
 X_{11} adalah kepuasan agihan zakat; dami = 1 jika berpuas hati,
 0 jika tidak berpuas hati

Pemboleh ubah bersandar bernilai 1 jika responden menyatakan membayar zakat kepada institusi formal iaitu sama ada membayar zakat melalui amil dan membayar di pusat zakat atau di kaunter zakat. Ia memberi nilai 0 jika responden tidak membayar melalui saluran di atas iaitu membayar terus kepada asnaf zakat. Kesemua pemboleh ubah dalam persamaan (6) diuji untuk menentukan pemboleh ubah mana yang signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar secara formal terutamanya pemboleh ubah kepuasan agihan zakat yang merupakan pemboleh ubah yang paling penting menentukan pembayaran zakat melalui institusi formal.

HASIL KAJIAN

Setelah penganggaran dilakukan ke atas data-data primer di enam negeri terpilih dan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah digunakan, maka analisis keputusan ini merangkumi dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis ekonometrik. Analisis ekonometrik yang dijalankan adalah analisis kebarangkalian atau persepsi pembayar zakat terhadap institusi formal yang dikaji dan keberkesanan faktor-faktor penentu melalui model logit binomial.

Jadual 2

Kekerapan Kepatuhan Membayar Zakat Secara Formal

	Kekerapan	Peratusan
Formal	674	89.5
Tidak Formal	79	10.5
Jumlah	753	100

Berdasarkan jadual 2, jumlah responden yang terlibat adalah seramai 753 orang sahaja setelah dikemas kini data primer bagi enam negeri tersebut. Jadual menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan kepatuhan membayar zakat secara formal (89.50%) dan tidak formal iaitu (10.50%). Didapati seramai 674 orang yang membayar zakat secara formal dan 79 orang pula secara tidak formal. Ini jelas menunjukkan ramai responden membayar zakat secara formal berbanding dengan membayar secara tidak formal.

Walaupun Jadual 2 jelas menunjukkan bahawa ramai responden membayar zakat kepada institusi formal, namun kepuasan pembayar zakat terhadap pengurusan agihan zakat yang ditunjukkan dalam Jadual 3 amat membimbangkan. Berdasarkan Jadual 3, bagi keseluruhan enam negeri terbabit, jumlah responden yang berpuas hati dengan pengurusan zakat adalah seramai 323 orang (42.90%) berbanding dengan 430 orang (57.10%) responden yang tidak berpuas hati terhadap pusat pungutan zakat. Ini menunjukkan ramai responden tidak berpuas hati dengan pengurusan pusat pungutan zakat di negeri-negeri tersebut walaupun membayar zakat secara formal.

Jadual 3
Keputusan Sikap Puas Hati Individu terhadap Pusat Zakat

		Puas Hati dengan PPZ		
		Ya	Tidak	Jumlah
Keseluruhan Negeri	323	(42.90)	430	(57.10) 753

Nota: () menunjukkan peratusan daripada jumlah responden.

Jadual 4 menunjukkan hasil keputusan regresi logistik binomial menggunakan persamaan (6). Jadual menunjukkan keputusan yang diperoleh bagi kesemua pemboleh ubah yang digunakan seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, pengetahuan agama, pendidikan, bekerja, jenis pekerjaan, pendapatan, bilangan tanggungan, perbelanjaan dan puas hati agihan zakat. Berdasarkan jadual tersebut, hanya dua pemboleh ubah yang signifikan iaitu pemboleh ubah umur dan puas hati agihan zakat. Nilai koefisien umur adalah signifikan pada aras keertian 10%, manakala bagi pemboleh ubah puas hati agihan zakat adalah signifikan pada aras keertian 1%.

Magnitud pengaruh pemboleh ubah-pemboleh ubah terhadap kepatuhan membayar kepada institusi formal dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 4. Pemboleh ubah umur berhubungan secara negatif dengan kepatuhan tersebut dan sebaliknya bagi pemboleh ubah puas hati agihan zakat iaitu berhubungan secara positif. Hasil kajian menunjukkan aspek kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat amat signifikan dalam mempengaruhi kepatuhan membayar zakat secara formal. Log nisbah "odds" bagi pemboleh ubah tersebut adalah 1.251 dan signifikan pada aras keertian 1%. Antilog bagi 1.251 ialah 3.494. Dengan lain perkataan sekiranya kepuasan agihan zakat meningkat satu unit, maka kepatuhan membayar zakat secara formal akan meningkat sebanyak 1.252 unit menyamai 249% iaitu sekitar 2.5 kali ganda menjadi lebih taat. Kajian menunjukkan bahawa kepuasan agihan zakat amat

besar pengaruhnya kepada kepatuhan membayar zakat secara formal. Sekiranya tahap kepuasan agihan zakat tinggi, maka tahap kepatuhan pembayar zakat kepada institusi formal juga akan meningkat. Bagi pemboleh ubah umur pula, sekiranya umur pembayar zakat meningkat, maka kepatuhan membayar zakat kepada institusi formal semakin menurun. Hal ini mungkin disebabkan golongan muda yang bekerja sama ada bekerja di sektor awam atau swasta cenderung membayar zakat melalui potongan gaji yang lebih memudahkan pembayaran zakat. Bagi golongan tua pula kebanyakan mereka sudah pencen dan membuat pekerjaan secara tidak formal atau “kerja kampung” sahaja. Ini akan menyebabkan mereka sukar membayar zakat dengan mudah iaitu melalui potongan gaji dan terpaksa mencari amil yang dilantik di setiap kampung.

Jadual 4
Hasil Keputusan Regresi Logistik Binomial¹

Pemboleh ubah Bebas	Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	Statistik Wald
Konstan	2.896**	18.103	10.586
Jantina	0.424	1.529	2.374
Umur	-0.278*	0.757	2.844
Taraf Perkahwinan	-0.154	0.857	0.247
Pengetahuan Agama	-0.406	0.666	1.452
Pendidikan	-0.166	0.847	1.840
Bekerja	-0.386	0.679	0.441
Jenis Pekerjaan	0.004	1.004	0.000
Pendapatan	0.241	1.272	2.282
Bil. Tanggungan	-0.093	0.911	0.224
Perbelanjaan	0.025	1.025	0.032
Puas Hati Agihan Zakat	1.251**	3.494	15.526

Nota: 1. Negeri-negeri yang telah menswastakan pusat kutipan zakat
 Pemboleh ubah bersandar adalah sama ada membayar secara aformal atau tidak formal

** Signifikan pada aras keertian 1% ($\alpha = 0.01$)

* Signifikan pada aras keertian 10% ($\alpha = 0.1$)

Selain daripada pemboleh ubah umur dan kepuasan agihan zakat, semua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan dalam mempengaruhi kepatuhan membayar zakat melalui institusi formal bagi enam negeri yang dikaji. Dalam erti kata lain, pemboleh ubah tersebut tidak memberi kesan kepada kepatuhan membayar secara formal. Di sini menunjukkan bahawa faktor kepuasan merangkumi pengurusan agihan zakat amat signifikan dalam mempengaruhi kepatuhan membayar secara formal di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang. Namun, kajian ini adalah secara keseluruhan negeri tersebut dan

bukannya hasil kajian bagi setiap negeri. Dengan itu, bahagian seterusnya akan menghuraikan secara terperinci kesan pemboleh ubah kepuasan membayar secara formal mengikut setiap negeri terlibat.

PERBANDINGAN SETIAP NEGERI

Bahagian ini, mengkhususkan kepada hasil kajian bagi setiap negeri yang terlibat. Penerangan akan dilakukan bagi setiap negeri mengenai jumlah responden yang memilih institusi formal, kepuasan responden terhadap agihan zakat institusi formal dan seterusnya menerangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang signifikan dalam mempengaruhi kepatuhan membayar zakat secara formal.

Jadual 5 menerangkan tentang pembayaran zakat responden kepada institusi formal atau tidak formal mengikut negeri. Data menunjukkan bahawa seramai 355 orang atau sebanyak 90.3% individu yang membayar zakat kepada institusi formal di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berbanding dengan seramai 38 orang atau sebanyak 9.7% yang membayar zakat kepada institusi tidak formal. Bagi negeri Pahang pula, seramai 84 orang atau sebanyak 88.4% individu yang membayar zakat kepada institusi formal berbanding seramai 11 orang sahaja atau 11.6% individu yang membayar kepada institusi tidak formal.

Jadual 5
Pembayaran kepada Institusi Zakat mengikut Negeri

Negeri	Bayaran Kepada Institusi				
	Formal		Tidak Formal		Jumlah
Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	355	(90.3)	38	(9.7)	393
Pahang	84	(88.4)	11	(11.6)	95
Negeri Sembilan	44	(89.8)	5	(10.2)	49
Melaka	108	(90.8)	11	(9.2)	119
Pulau Pinang	83	(85.6)	14	(14.4)	97
Jumlah Keseluruhan	674	(89.5)	79	(10.5)	753

Nota: () menunjukkan peratusan daripada jumlah responden bagi setiap negeri

Bagi Negeri Sembilan, seramai 44 orang atau 89.8% individu yang membayar kepada institusi formal berbanding dengan institusi tidak formal iaitu hanya seramai 5 orang atau 10.2%. Negeri Melaka pula mencatatkan seramai 108 orang atau 90.8% individu yang membayar melalui institusi formal berbanding dengan tidak formal iaitu seramai 11 orang atau 9.2%. Akhirnya, bagi negeri Pulau Pinang yang turut mencatatkan jumlah yang tertinggi dalam pembayaran zakat melalui institusi formal iaitu seramai 83 orang atau 85.6% berbanding seramai 14 orang atau 14.4% bagi individu yang membayar melalui institusi tidak formal.

Ini menunjukkan kesemua enam negeri mencatatkan bilangan yang membayar kepada institusi formal adalah lebih tinggi berbanding dengan pembayaran kepada institusi tidak formal. Bilangan individu yang tertinggi membayar melalui institusi formal adalah di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu seramai 355 orang dan negeri yang mencatatkan peratusan tertinggi adalah di negeri Melaka iaitu sebanyak 90.8%. Keputusan ini menunjukkan satu petanda yang baik kerana semua negeri yang dikaji menunjukkan individu Islam merujuk kepada institusi formal yang dilantik oleh kerajaan untuk membayar zakat.

Namun berdasarkan keputusan kepuasan hati individu terhadap pusat zakat menunjukkan jumlah tidak berpuas hati mengatasi jumlah individu yang berpuas hati bagi kebanyakan negeri. Perkara seperti ini perlu dielakkan oleh pihak pusat zakat sendiri kerana ianya akan memberi kesan kepada institusi zakat dan golongan yang layak menerima zakat tersebut. Hal ini perlu diatasi segera agar masalah bocoran dan pengagihan yang tidak sekata dapat diatasi. Memandangkan telah ramai individu Islam yang membayar melalui institusi formal, perkara seperti ini tidak semestinya berlaku.

Jadual 6, hanya negeri Melaka dan Negeri Sembilan yang menunjukkan jumlah tertinggi individu yang berpuas hati berbanding dengan individu yang tidak berpuas hati dengan pusat zakat iaitu seramai 64 orang atau 53.78% di Melaka dan 26 orang atau 53.06% di Negeri Sembilan berbanding dengan 55 orang atau 46.28% dan 23 orang atau 46.94%. Bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, hanya 155 orang atau 39.44% sahaja yang berpuas hati berbanding dengan 238 orang atau 60.56% tidak berpuas hati. Negeri Pahang turut mencatatkan jumlah tertinggi individu yang tidak berpuas hati dengan pusat zakat mengagihkan zakat kepada asnaf iaitu seramai 45 orang atau 47.36% berbanding 50 orang atau 52.64% tidak berpuas hati. Pulau Pinang pula mencatatkan seramai 33 orang atau 34.02% individu Islam yang berpuas hati berbanding 64 orang atau 65.98% individu Islam tidak berpuas hati tentang agihan zakat oleh pusat zakat.

Jadual 6
Keputusan Sikap Puas Hati Individu terhadap Pusat Zakat
mengikut Negeri

Negeri	Puas Hati dengan Pusat Zakat				
	Ya		Tidak		Jumlah
Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	155	(39.44)	238	(60.56)	393
Pahang	45	(47.36)	50	(52.64)	95
Negeri Sembilan	26	(53.06)	23	(46.94)	49
Melaka	64	(53.78)	55	(46.28)	119
Pulau Pinang	33	(34.02)	64	(65.98)	97

Nota: () menunjukkan peratusan daripada jumlah responden bagi setiap negeri

Keputusan daripada Jadual 5 dan Jadual 6 tidak menunjukkan satu bentuk dan hubungan yang khusus antara perasaan puas hati terhadap pusat zakat dengan membayar zakat kepada pusat zakat atau institusi formal. Hubungan didapati berbeza di mana setiap negeri yang individunya tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat kepada asnaf oleh pusat zakat tetapi peratusan yang membayar zakat kepada pusat zakat atau institusi formal adalah agak tinggi. Misalnya negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang menunjukkan peratusan agak tinggi tentang individu yang membayar kepada institusi formal, tetapi mempunyai peratusan yang agak tinggi juga dalam respon tidak puas hati. Ini menunjukkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Pahang tergolong dalam individunya tidak berpuas hati yang tinggi, tetapi juga tinggi dalam pembayaran zakat melalui institusi formal. Bagi negeri Melaka dan Negeri Sembilan pula dikategorikan dalam kumpulan yang individunya mempunyai tindak balas yang tinggi dalam puas hati dan institusi formal.

Jadual 7 menunjukkan hasil keputusan regresi logistik binomial bagi setiap negeri yang dikaji dengan menggunakan persamaan (6). Walau bagaimanapun kajian ini hanya melihat pengaruh pemboleh ubah kepuasan agihan zakat dengan kepatuhan membayar zakat secara formal mengikut negeri. Hasil kajian ini berbeza dengan keputusan yang diperoleh dalam Jadual 4 kerana ianya mengkaji keseluruhan enam negeri terbabit. Berdasarkan Jadual 7, wujud hubungan yang positif antara perasaan puas hati dengan membayar zakat kepada institusi formal bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang. Ini dapat diterangkan

bahawa semakin tinggi perasaan puas hati, maka akan semakin tinggilah kemungkinan untuk membayar zakat kepada institusi formal. Nilai anggaran logit bagi pemboleh ubah puas hati untuk keenam negeri diringkaskan seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7
Nilai Parameter Puas Hati Agihan Zakat Mengikut Negeri

Negeri	Kepuasan Hati Agihan Zakat			Statistik Wald
	Konstan	Koefisien (B)	Exp Koefisien (B)	
Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4.543	1.061*	2.889	5.349
Pahang	2.250	1.735*	5.670	2.803
Negeri Sembilan	30.003	6.207*	496.199	2.892
Melaka	4.340	0.731	2.078	0.845
Pulau Pinang	15.808	9.195	9844.148	0.084
Keseluruhan	2.896	1.251***	3.494	15.526

Nota: Pemboleh ubah bersandar adalah membayar zakat secara formal atau tidak formal

*** Signifikan pada aras keertian 1% ($\alpha = 0.01$)

* Signifikan pada aras keertian 10% ($\alpha = 0.1$)

Keputusan hasil kajian dalam Jadual 7 menunjukkan pengaruh kepuasan agihan zakat oleh institusi formal terhadap kepatuhan membayar secara formal adalah signifikan untuk negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang dan Negeri Sembilan. Ianya menunjukkan signifikan pada aras keertian 10%. Namun begitu, pengaruh pemboleh ubah tersebut terhadap kepatuhan membayar secara formal adalah tidak signifikan di Pulau Pinang dan Melaka. Didapati keenam-enam negeri tersebut memiliki nilai Exp (B) yang positif dan melebihi satu. Ini bermakna peningkatan rasa puas hati terhadap pusat zakat akan meningkatkan kebarangkalian untuk membayar zakat kepada institusi formal. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa semakin tinggi rasa puas hati terhadap agihan zakat, maka semakin tinggi kebarangkalian membayar zakat melalui institusi formal.

Jadual 8 menunjukkan pangkat (*ranking*) tingkat kepuasan hati agihan zakat, kepatuhan membayar melalui institusi formal dan nilai Exp (B) yang dirumuskan daripada Jadual 5, 6 dan 7. Dalam aspek kepuasan hati pengurusan dalam agihan zakat kepada asnaf, negeri Melaka mendahului negeri lain di tempat pertama diikuti oleh Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Wilayah Persekutuan, dan Pulau Pinang.

Jadual 8
Pangkat (*Ranking*) Kepuasan Hati Agihan Zakat, Pembayaran melalui Institusi Formal dan Exp (B) mengikut Negeri

Negeri	Pangkat		
	Peratus Puas Hati Pengurusan (%)	Peratus Bayar Kepada Inst. Formal (%)	Exp (B)
Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4	2	4
Pahang	3	4	3
Negeri Sembilan	2	3	2
Melaka	1	1	5
Pulau Pinang	5	5	1

Dalam aspek kepatuhan dalam pembayaran zakat melalui institusi formal pula, negeri Melaka merupakan negeri yang berada pada pangkat pertama diikuti oleh negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Pahang dan Pulau Pinang. Kajian mendapati bahawa negeri Melaka mempunyai prestasi yang agak baik dalam kedua-dua aspek kepuasan agihan dan pengurusan institusi zakat berbanding dengan negeri-negeri lain. Hubungan positif juga dapat dibuktikan melalui pengiraan korelasi antara rasa puas hati dan bayaran kepada institusi formal berdasarkan Jadual 9.

Jadual 9
Nilai Korelasi Kepuasan Hati Agihan Zakat dan Institusi Formal

	Peratus Puas Hati (%)	Peratus Inst. Formal (%)	Exp (B)
Peratus Puas Hati	1	0.7	0.6
Peratus Inst. Formal	0.7	1	-0.9
Exp (B)	0.6	-0.9	1

Berdasarkan Jadual 9, analisis korelasi pangkat telah dilakukan terhadap peratusan puas hati dan peratusan pembayaran zakat melalui institusi formal. Nilai korelasi menunjukkan hubungan yang positif antara perasaan puas hati dengan bayaran kepada institusi formal dan juga antara perasaan puas hati dengan nilai Exp (B). Ini bermakna semakin tinggi perasaan puas hati terhadap agihan zakat, maka semakin tinggi bayaran zakat kepada institusi formal dan juga semakin tinggi kebarangkalian untuk membayar kepada institusi formal.

IMPLIKASI DASAR

Kajian di keenam-enam negeri yang dikaji menunjukkan individu Islam berminat untuk membayar zakat kepada institusi formal. Tetapi wujud juga individu Islam yang kurang berpuas hati terhadap agihan yang dilakukan kepada asnaf oleh institusi formal. Ini berkemungkinan akan menimbulkan masalah kepada institusi zakat sendiri kerana ianya sudah tentu akan mewujudkan masalah bocoran dan kekurangan kutipan zakat. Kajian ini membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan dan agihan pusat zakat berhubungan secara positif dan signifikan terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Hubungan ini menerangkan bahawa sekiranya tahap kepuasan individu Islam terhadap agihan zakat yang dilakukan oleh institusi formal, maka akan wujudnya kemungkinan yang tinggi bahawa individu tersebut akan membayar zakat melalui institusi formal. Ini seterusnya akan meningkatkan lagi jumlah kutipan zakat yang sedia ada setiap tahun. Ini bermakna bahawa perasaan puas hati memainkan peranan penting dalam menentukan tempat di mana pembayaran zakat akan dilakukan oleh individu muslim iaitu semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat, semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperoleh mengenai faktor-faktor lain seperti jantina, umur, perkahwinan, pekerjaan, pendidikan, tanggungan dan sebagainya. Keputusan tersebut dapat dirumuskan bahawa wujudnya faktor-faktor lain yang dapat memberi kesan kepada cara pembayaran zakat oleh individu sama ada kepada institusi formal ataupun sebaliknya institusi tidak formal iaitu membayar terus kepada asnaf. Faktor-faktor seperti ketelusan, amanah dan kecekapan dalam pengurusan agihan zakat ini juga merupakan faktor penting dalam mempengaruhi individu tersebut untuk membayar zakat kepada institusi formal ataupun kepada institusi tidak formal. Faktor inilah yang dikatakan sebagai nama baik atau "*good will*". Sekiranya tahap kecekapan pengurusan zakat lemah maka akan semakin berkurangnya individu yang akan membayar zakat kepada institusi formal.

Memandangkan sekiranya individu Islam membayar zakat secara terus kepada asnaf atau kepada institusi tidak formal, besar kemungkinan akan wujudnya masalah pengagihan yang tidak saksama dan berlaku bocoran zakat. Kebanyakan individu yang membayar zakat secara tidak formal hanya menumpukan kepada dua asnaf sahaja iaitu golongan fakir dan miskin, enam asnaf lagi yang terdiri daripada amil, mualaf, hamba, orang yang berhutang, fisabilillah dan musafir seperti diabaikan.

Keenam-enam asnaf ini juga perlu diberi perhatian dan agensi yang layak dipertanggungjawabkan adalah majlis agama negeri masing-masing sama ada diserahkan kepada anak syarikat yang dilantik ataupun tidak. Mereka ini lebih arif tentang pengagihan zakat ini. Namun agensi yang dipertanggungjawab ini perlulah memainkan peranan yang sebenarnya agar ianya mendapat kepercayaan orang ramai khususnya individu Islam sendiri. Dengan itu, implikasi penting dari kajian ini adalah untuk menarik lebih ramai individu Islam membayar zakat menerusi institusi formal ataupun pusat zakat yang telah dilantik dan dipertanggungjawabkan. Hal ini amat perlu diberi perhatian oleh institusi tersebut agar berusaha menarik dan menambah keyakinan individu terhadap kecekapannya dalam pengurusan wang zakat. Bertambah keyakinan individu, bermakna bertambahlah pembayaran zakat oleh individu kepadanya.

Untuk menarik lebih ramai individu membayar melalui institusi formal, maka sudah tentulah perlu mencari sebab-musabab individu itu tertarik untuk membayar secara formal. Menurut kajian, telah jelas bahawa kecekapan pengurusan pusat zakat khususnya dari segi pengagihannya merupakan faktor utama yang boleh menyebabkan individu tersebut membayar secara formal atau tidak formal. Dengan ini, institusi zakat perlu mengambil tindakan segera agar individu tersebut yakin dan berpuas hati dengan pengurusan agihan zakat. Salah satu usaha dalam mempertingkatkan kecekapan pengurusan zakat ini adalah dengan melakukan program penswastaan. Majlis agama menyerahkan kuasa mengutip dan mengagihkan zakat kepada pihak tertentu. Inilah yang telah dilakukan di enam negeri yang dikaji dan menunjukkan peningkatan hasil kutipan setiap tahun. Namun, masih banyak lagi yang perlu diperbaiki dan masih perlu mencari sebarang alternatif lain bagi meningkatkan kutipan zakat ini dan menambah kecekapan dalam pengurusan pusat zakat

KESIMPULAN

Kajian membuktikan faktor utama dalam mempengaruhi individu membayar zakat secara formal adalah mengenai kepuasan tentang agihan dan kecekapan pengurusan zakat. Ekoran ini, pihak institusi zakat khususnya anak syarikat yang dipertanggungjawab dalam hal urusan zakat ini perlu senantiasanya memperbaiki tahap perkhidmatan mereka. Hasil kajian juga membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat berkait secara positif terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Ini bermakna bahawa perasaan puas hati memainkan peranan penting dalam menentukan

tempat di mana bayaran zakat dibuat oleh individu. Semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat. Terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan kecekapan institusi zakat seperti penubuhan LUZAM (Lembaga Urusan Zakat Malaysia) seperti yang dicadangkan oleh Pusat Zakat Wilayah Persekutuan. Ini bermakna pengurusan institusi zakat akan dipusatkan kepada satu institusi yang bersifat negara. Walau apapun kaedah yang digunakan dalam pengagihan zakat, pihak institusi zakat perlu menarik lebih ramai individu membayar zakat kepada institusi formal yang dilantik. Pihak institusi zakat juga perlu mempertingkatkan usaha dalam memastikan pengurusan institusi zakat adalah cekap bukan sahaja dalam aspek kutipan, malah yang amat penting sekali adalah aspek pengagihan zakat. Ini secara tidak langsung akan menambah keyakinan individu terhadap pengurusan pusat zakat yang dilantik.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohd Hassan, (1998). *Antara zakat dan cukai pendapatan : satu analisis penyelarasan*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Zakat dan Cukai Pendapatan di Pusat Matrikulasi USM, 5-6 November 1998.
- Abdullah Ibrahim, (1999). *Agihan zakat menurut prinsip siasah shariyyah*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam. 17 Mei 1999.
- Aidit Ghazali, (1998). *Zakat- Satu tinjauan*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- Kamil Md Idris, Chek Derashid & Engku Ismail, (1997). *Zakat penggajian: Suatu tinjauan terhadap pengetahuan dan amalan muslimin negeri Perlis*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Kamil Md Idris, (2002). *Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Md Zyadi Tahir & Mariani Majid, (1999). *Prestasi kutipan dan agihan zakat di Malaysia*. Dlm Pancasidang Seminar Pengeluaran Awam dan Swasta: Justifikasi dan Realiti di Malaysia. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. 293-306.
- Mohamed Dahan Abdul Latif, (1998). *Zakat management and administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail, (2001). *Can privatization improve performance ? Evidence from zakat collection institutions* Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Qardawi, Yusof, (1998). *Peranan nilai dan akhlak dalam ekonomi Islam*. (terj). Kuala Lumpur. Metacorp Bhd.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd Azlan Shah Zaidi & Hairunnizam Wahid, (2002). *Pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat di negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan cabaran*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.